



**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
**(1015578-X)**  
(Syarikat ditubuhkan di Malaysia)

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sebelas AWQAF Holdings Berhad yang telah bersidang pada hari Jumaat, 27 September 2024 pada jam 10.30 pagi yang dilaksanakan secara fizikal bertempat di Al-Hamra International Integrated School, Block A, Strand Garden Office, Jalan PJU 5/1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor dan juga secara atas talian melalui Platform Zoom.

---

**KEHADIRAN PENGARAH**

YBhg Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir	-	Pengerusi
YBhg Dato' Haji Mohammad Sahar bin Mat Din	-	Timbalan Pengerusi
YBhg Puan Sri Noorzilah binti Mohammed Ali	-	Pengarah
Puan Azizah binti Abdul Rahman	-	Pengarah
Puan Rafe'ah binti Ariffin	-	Pengarah

**KEHADIRAN AHLI & PROKSI**

Seperti senarai kehadiran

**DIJEMPUT HADIR**

Encik Mohd Wazi bin Mohamad Awal	- Wakil dari Tetuan Wan Nadzir & Co.
Encik Ahmad Hisyam Bin Kamaruzaman	- Wakil dari Tetuan Wan Nadzir & Co.

**TURUT HADIR**

Puan Fatintafrina binti Mohd Tareh	- Setiausaha Syarikat
Encik Ibrahim Adham bin Asmaill	- Wakil Pengurusan
Puan Khairunnisa binti Mazlan	- Wakil Pengurusan

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

YBhg Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor	- Pengarah
Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali	- Pengarah

## **1. UCAPAN PENGERUSI**

YBhg Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir, selaku Pengerusi AWQAF mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Lembaga Pengarah dan ahli-ahli AWQAF ke Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-Sebelas Awqaf Holdings Berhad ("AWQAF" atau "Syarikat").

Pengerusi kemudiannya memulakan AGM dengan bacaan Ummul Kitab yang turut dihadiahkan kepada:

- (i) Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali bin Hashim selaku Pengasas AWQAF Holdings; dan
- (ii) Ahli-ahli AWQAF Holdings, ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai para hadirin yang telah meninggal dunia.

Pengerusi kemudiannya memperkenalkan kesemua Ahli Lembaga Pengarah AWQAF, Setiausaha Syarikat dan wakil Juruaudit kepada semua Ahli AWQAF yang hadir.

Pengerusi mengambil kesempatan menyampaikan setinggi-tinggi ucapan tahniah dari AWQAF Holdings Berhad kepada Dato' Haji Mohammad Sahar bin Mat Din atas penganugerahan Darjah Setia Pangkuhan Negeri (D.S.P.N) yang membawa gelaran Dato' kepada beliau sempena Hari Ulang Tahun ke-75 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 27 Julai 2024 yang lalu.

Pengerusi memaklumkan bahawa dua orang Ahli Lembaga Pengarah AWQAF iaitu YBhg Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Md Noor dan Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali tidak dapat menghadiri mesyuarat kali ini atas urusan kerja.

Seterusnya Pengerusi memulakan mesyuarat pada jam 10.30 pagi.

## **2. KORUM**

Setiausaha Syarikat mengesahkan sejumlah 69 orang ahli (termasuk kehadiran melalui proksi) telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini, jumlah ini adalah seperti yang direkodkan pada jam 10.30 pagi.

Oleh itu, mesyuarat telah membentuk korum yang mencukupi untuk meneruskan mesyuarat selaras dengan Artikel 35 Perlembagaan Syarikat.

## **3. NOTIS MESYUARAT**

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sebelas bersama-sama dengan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 dan Laporan Tahunan yang telah dimuat naik ke dalam laman web Syarikat dan turut diedarkan kepada semua Ahli AWQAF yang layak menghadiri AGM, dianggap telah dibaca oleh semua Ahli AWQAF.

## **4. PEMBENTANGAN PRESTASI SYARIKAT**

Sebelum memulakan agenda mesyuarat, Pengerusi terlebih dahulu mengucapkan terima kasih atas kepercayaan dan sokongan yang telah diberikan oleh ahli-ahli AWQAF serta masyarakat umum. Dengan amanah ini, AWQAF dapat terus melaksanakan pengurusan aset dan pelaburan wakaf dengan lebih berkesan, sekaligus memperkuatkkan peranan AWQAF sebagai peneraju institusi wakaf korporat negara pada tahun 2023/24.

Pengerusi seterusnya membentangkan kepada semua ahli AWQAF berkenaan prestasi umum dan aktiviti syarikat pada tahun 2023. Antara yang diketengahkan adalah:

### Prestasi Syarikat Secara Umum

- (1) Tahun 2023 mencatatkan satu lagi pencapaian penting bagi AWQAF, di mana AWQAF terus berkembang melalui pelaburan wakaf yang strategik dan fokus kepada sektor-sektor utama iaitu kesihatan, pendidikan, hartanah, dan teknologi kewangan digital (*fintech*). Keutamaan AWQAF buat masa ini adalah memastikan kestabilan kewangan dan kelestarian operasi AWQAF untuk memacu pembangunan yang lebih mapan.
- (2) Kerajaan dan sektor swasta di Malaysia mengambil langkah untuk memanfaatkan instrumen wakaf bagi pembangunan ekonomi, di mana Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyeru penglibatan GLC dan syarikat swasta dalam memperluas aktiviti wakaf, terutamanya wakaf korporat, bukan sahaja dalam projek keagamaan, tetapi juga dalam sektor komersial.
- (3) Sebagai peneraju dalam wakaf korporat, AWQAF sentiasa memanfaatkan dana wakaf dengan berpegang teguh kepada prinsip maqasid syariah. Ini bukan sahaja bertujuan mencapai keuntungan, tetapi juga memberi impak sosial yang signifikan kepada komuniti. AWQAF mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dan beretika dalam pengurusan aset wakaf. Dengan fokus pada ekonomi jangka panjang, Lembaga Pengarah memastikan setiap pelaburan selaras dengan prinsip syariah dan meningkatkan transparensi pengurusan dana.
- (4) AWQAF terus menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PUTERA 35) dengan pelaburan strategik dalam sektor kesihatan dan pendidikan. Fokus AWQAF merangkumi pendidikan berkualiti, kesihatan dan kesejahteraan, serta tindakan terhadap perubahan iklim. Matlamatnya adalah mengurangkan kemiskinan, memperbaiki kesihatan, dan memperkasa ekonomi masyarakat Islam di Malaysia.

- (5) Bagi tahun 2023, dengan memfokuskan pelaburan wakaf dalam bidang kesihatan, pendidikan, harta tanah, dan teknologi digital, AWQAF berjaya mencatatkan pendapatan sebanyak RM5,007,631, peningkatan 34.3% berbanding tahun sebelumnya. Margin keuntungan kasar turut meningkat 27.8%, menunjukkan daya tahan kewangan yang kukuh dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global.
- (6) Sepanjang tahun 2023, penerimaan dana Kumpulan AWQAF pada 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM13,079,960.27, iaitu pertambahan sebanyak RM46,963.08 sepanjang tahun 2023. Jumlah dana Kumpulan AWQAF dan ahli terkini sehingga 31 Ogos 2024 adalah sebanyak RM13,271,176.87 dengan pewakaf seramai 3,452, terdiri daripada 728 Ahli dan 2,692 penyumbang Asas.
- (7) AWQAF telah melaksanakan banyak inisiatif sepanjang tahun 2023 untuk menarik minat lebih ramai ahli baru dan menggalakkan pewakaf Asas meningkatkan penyertaan mereka. Pihak pengurusan secara proaktif menghubungi ahli-ahli sedia ada melalui pelbagai saluran komunikasi bagi memupuk kesedaran tentang pentingnya menambah sumbangan wakaf keahlian mereka.

Langkah ini bertujuan mengubah status mereka daripada hanya sebagai pewakaf Asas kepada ahli Hadid ke atas yang layak mengundi, sekaligus memberi mereka lebih kuasa dalam menentukan hala tuju organisasi. Usaha-usaha ini bertujuan memastikan pertumbuhan yang berterusan, bukan sahaja dari segi dana tetapi juga dalam memperkasa ahli untuk terlibat lebih aktif dalam pembangunan AWQAF.

#### Portfolio Pelaburan Pendidikan

- (8) AWQAF Holdings Berhad melalui anak syarikat AWQAF Education Sdn Bhd (AESB) mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak RM3.37 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, berbanding RM2.98 juta pada tahun sebelumnya, menunjukkan

kejayaan dalam menarik lebih ramai pelajar dan peluang komersial dalam pasaran pendidikan. Syarikat mencapai keuntungan kasar sebanyak RM1,833,536 tetapi masih belum mencapai keuntungan bersih disebabkan kos pajakan bangunan yang tinggi.

- (9) Oleh itu, AESB sedang mengambil langkah-langkah pengurangan kos, termasuk mengoptimalkan ruang sewaan dan meninjau lokasi yang lebih menjimatkan, sebagai usaha untuk mengukuhkan aliran tunai dan mengurangkan perbelanjaan tetap. Potensi pertumbuhan syarikat ini akan terus dikembangkan melalui strategi perancangan masa hadapan berdasarkan prestasi tahun 2023.

#### Portfolio Pelaburan Kesihatan

- (10) AWQAF Holdings Berhad melalui anak Syarikat AHB Wellness Sdn Bhd (AHB Wellness) menunjukkan prestasi kewangan yang kukuh pada tahun berakhir 31 Disember 2023. Pendapatan sebanyak RM1.276 juta diperoleh terutamanya daripada yuran langganan pusat kecergasan khas untuk wanita, Curves. Dengan kos jualan dan perkhidmatan berjumlah RM407,962, keuntungan kasar syarikat mencapai RM868,452.
- (11) Dengan ahli Curves yang telah berdaftar seramai 485 orang, AHB Wellness berjaya mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM212,369, berbanding kerugian RM4,551 pada tahun sebelumnya. Selepas peruntukan cukai sebanyak RM48,700, keuntungan bersih syarikat adalah RM163,669. Peningkatan ini menunjukkan pemulihan yang kukuh dalam operasi syarikat, disokong oleh pengurusan kos yang berkesan dan pertumbuhan pendapatan.

Secara keseluruhan, AHB Wellness mencatatkan peningkatan dalam semua aspek prestasi kewangan, menunjukkan keupayaan untuk mengurus kos dengan baik dan terus berkembang dalam industri kecergasan dan kesihatan.

### Portfolio Pelaburan Kesejahteraan

- (12) Anak syarikat AWQAF yang memfokuskan pelaburan kesejahteraan (wellness), melalui anak syarikat Damai Senior Care Centre Sdn. Bhd. (Damai Senior Care), telah memulakan perkhidmatan pusat jagaan warga emas di Kuala Lumpur. Dengan cabaran Malaysia bakal menjadi Negara Tua menjelang 2030, perkhidmatan Damai Senior Care seperti rehabilitasi, fisioterapi, dan pengurusan pasca pembedahan dijangka menjadi pilihan utama bagi warga emas yang memerlukan penjagaan berkualiti tinggi.
- (13) Laporan kewangan 2023 menunjukkan Damai Senior Care memperoleh pendapatan RM310,887 dan merekodkan lebihan kasar sebanyak RM137,650 namun masih belum merekodkan keuntungan bersih disebabkan kos pajakan bangunan yang tinggi.
- (14) Untuk menangani cabaran ini, Damai Senior Care sedang dalam proses mempelawa pelabur luar bagi memperluas perniagaan serta memperkenalkan inovasi baru dalam penjagaan warga emas. Dengan strategi penstrukturkan kos yang tepat dan penglibatan pelabur, Damai Senior Care berpotensi menjadi peneraju dalam industri penjagaan warga emas di Malaysia, mengekalkan fokus kepada pertumbuhan jangka panjang serta keberhasilan kewangan.

### Lain-Lain Inisiatif Pelaburan

- (15) AWQAF terus komited dengan pelan strategik lima tahun kehadapan untuk meningkatkan modal pasaran, mengembangkan aset, serta memperkuuh impak sosial. Sektor pelaburan utama yang dipilih bukan hanya untuk pulangan kewangan tetapi juga kesan positif kepada masyarakat.
- (16) Dalam sektor kesihatan, AWQAF merancang untuk membuka 7 hingga 8 outlet Curves dalam tempoh dua tahun, sambil mencari pelabur-pelabur untuk pelan pengembangan.

- (17) Dalam sektor pendidikan, AESB terus berusaha untuk meningkatkan kapasiti pelajar di Al-Hamra kepada 300 orang, dengan jangkaan pendapatan tahunan sebanyak RM4 hingga RM5 juta. Syarikat juga meneroka kerjasama dengan IHES Endowment Development Berhad untuk perkhidmatan rundingan Pendidikan, membuka sekolah-sekolah baru dan mengembangkan potensi signifikan melalui yuran perundingan dan perkongsian pengetahuan dalam pembangunan institusi pendidikan.
- (18) AWQAF sedang meneroka pendigitalan wakaf bagi menstabilkan sistem kewangan serta bekerjasama dengan Majlis Agama Negeri dalam projek pembangunan hartanah strategik. Projek-projek ini bertujuan menjana pendapatan mampan yang dapat memberi manfaat kepada institusi agama serta pembangunan ekonomi komuniti setempat.

#### Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

- (19) AWQAF memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi melalui program fi-sabilillah Yayasan ZuriatCARE, dengan perbelanjaan sebanyak RM75,770 pada 2023. Program ini termasuk sokongan kepada komuniti yang terjejas, serta inisiatif kesihatan mental dan kesejahteraan melalui kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan NGO.
- (20) Pelaburan dalam pendidikan, seperti biasiswa EduWAQF sebanyak RM20,000, memberi akses kepada pelajar rentan untuk pendidikan berkualiti, serta membina modal insan yang berdaya saing.
- (21) Sektor kesihatan juga menerima perhatian melalui pelaburan dalam AHB Wellness dan Damai Senior Care, yang menyediakan perkhidmatan kesihatan mampu milik. AWQAF akan memastikan pelaburan masa depan membawa impak sosial dan ekonomi

mampu, dengan berpegang kepada nilai-nilai Islam dalam memajukan Ummah.

## 5. **TAKLIMAT PENGUNDIAN**

Pengerusi memaklumkan proses pengundian semua resolusi seperti yang tertera di dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sebelas adalah secara pengundian dengan Bilangan Hak Undi (*polling*) dan bukan secara Mengangkat Tangan (*show of hands*).

Setiap ahli-ahli yang hadir sendiri atau melalui proksi adalah mempunyai satu (1) undi bagi setiap RM1,000 wakaf keahlian yang dipegangnya.

Perincian bilangan undi adalah seperti berikut:

- (i) Ahli Hadid mempunyai 1 undi,
- (ii) Ahli Fiddhah – 10 undi,
- (iii) Ahli Zahab – 100 undi,
- (iv) Ahli Zamrud – 500 undi; dan
- (v) Ahli Balatin – 1000 undi.

Pengerusi juga merekodkan bahawa beberapa ahli telah melantik beliau sebagai proksi mereka yang mana beliau akan mengundi mengikut arahan di dalam Borang Proksi.

Setiausaha Syarikat kemudiannya memberi taklimat lanjut kepada hadirin tentang proses pengundian yang akan melibatkan pengundian melalui Kertas Undian dan juga Paparan Undi secara atas talian (bagi yang berkaitan) setelah semua Resolusi yang diusulkan dalam mesyuarat ini selesai dibentangkan oleh Pengerusi. Keputusan berkenaan setiap resolusi akan diumumkan selepas proses pengiraan undi selesai.

Pengerusi kemudian meneruskan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sebelas dengan urusan rasmi mesyuarat.

**6. MEMBINCANGKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2023 BERSERTA LAPORAN PENGARAH DAN  
JURUAUDIT**

Pengerusi memaklumkan bahawa Agenda berkenaan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit hanya untuk tujuan perbincangan dan tidak memerlukan kelulusan dari ahli AWQAF. Perkara ini telah dinyatakan di dalam Seksyen 340(1)(a), Akta Syarikat 2016. Oleh itu, tiada pengundian akan dibuat untuk Agenda ini.

Salinan Laporan Tahunan 2023 yang mengandungi Penyata Kewangan Beraudit untuk tahun berakhir 31hb Disember 2023 beserta Laporan Para Pengarah dan Juruaudit telah dimuat naik ke laman web AWQAF Holdings Berhad dan telah pun diedarkan kepada semua Ahli sebelum tarikh Mesyuarat Agung berlangsung.

Kesemua Ahli AWQAF yang hadir bersetuju bahawa Laporan Tahunan 2023 tersebut dianggap telah dibaca dan sedia untuk dibincangkan.

Pengerusi kemudiannya menjemput Puan Khairunnisa Mazlan selaku Pengurus kewangan Kumpulan AWQAF untuk membentangkan kepada ahli AWQAF Laporan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit.

Selesai pembentangan, Pengerusi telah membuka sesi soal jawab kepada semua ahli AWQAF untuk bertanyakan soalan atau mengutarakan pandangan berkenaan laporan-laporan yang dibentangkan. Wakil Juruaudit juga turut bersedia untuk membantu Pihak Pengurusan menjawab sebarang persoalan berbangkit, jika perlu.

Memandangkan tiada soalan yang diajukan dari ahli AWQAF, Pengerusi meneruskan Mesyuarat Agung Tahunan dengan agenda seterusnya.

**7. PEMILIHAN DAN PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT ARTIKEL 56 SYARIKAT (RESOLUSI BIASA 1 (a) & 1 (b))**

Memilih dan melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 563 Syarikat iaitu:

- (a) **YBhg. Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor; dan**
- (b) **Puan Rafe'ah binti Ariffin.**

**Resolusi 1 (a)**

**PEMILIHAN DAN PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT ARTIKEL 56 SYARIKAT – YBHG. DATUK DR MOHD GHAZALI BIN MD NOOR**

Resolusi pelantikan semula YBhg. Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 56 Artikel Syarikat telah dibentangkan.

Untuk makluman semua ahli, Ahli Lembaga Pengarah telah menerima makluman daripada beliau menyatakan hasrat beliau untuk bersara sebagai Pengarah AWQAF Holdings Berhad serta tidak lagi perlu untuk dilantik semula pada Mesyuarat Agung kali ini.

Oleh itu, **TIADA PENGUNDIAN** akan dilakukan bagi resolusi 1(a).

Dengan itu, AWQAF Holdings Berhad merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **YBhg. Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor** atas segala jasa baik dan sumbangan beliau sepanjang berkhidmat sebagai Pengarah AWQAF Holdings di dalam memperjuangkan industri wakaf di Malaysia dan juga diperingkat global.

Untuk makluman semua, beliau masih kekal sebagai Ahli AWQAF dan Pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah Al-Hamra dan akan terus bersama-sama kita semua dalam memajukan sektor wakaf negara dan meneruskan agenda wakaf sebagai agenda nasional.

**Resolusi 1 (b)**

**PELANTIKAN SEMULA PENGARAH YANG BERSARA MENGIKUT  
GILIRAN MENURUT ARTIKEL 56 ARTIKEL SYARIKAT – PUAN  
RAFE'AH BINTI ARIFFIN**

Resolusi pelantikan semula Puan Rafe'ah binti Ariffin yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 56 Artikel Syarikat telah dibentangkan.

Resolusi 1(b) telah dicadangkan oleh Encik Ibrahim Adham (Ahli Hadid) dan disokong oleh Dato' Syed Mohd Ghazali Wafa (Ahli Hadid).

**8. RESOLUSI 2**

**PELANTIKAN SEMULA TETUAN WAN NADZIR & CO SEBAGAI  
JURUAUDIT SYARIKAT BAGI TAHUN BERIKUTNYA DAN MEMBERI  
KUASA KEPADA PARA PENGARAH UNTUK MENETAPKAN IMBUHAN  
MEREKA.**

Resolusi pelantikan semula Tetuan Wan Nadzir & Co sebagai Juruaudit syarikat untuk memegang jawatan sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya pada imbuhan yang akan dipersetujui oleh Pengarah dan Juruaudit telah dibentangkan.

Resolusi 2 telah dicadangkan oleh Puan Khairunnisa Mazlan (Ahli Hadid) dan disokong oleh Puan Alia Muhammad Ali (Ahli Fiddhah).

**9. PROSES PENGUNDIAN**

Setelah semua resolusi-resolusi selesai dibentangkan oleh Pengerusi Mesyuarat, Setiausaha Syarikat telah memulakan proses pengundian di mana semua Ahli AWQAF diminta untuk mengundi melalui Kertas Undian dan Paparan Undi secara atas talian (bagi yang berkaitan).

Setelah tempoh untuk pengundian tamat, pihak Sekretariat akan mengumpulkan Kertas Undian dan membuat pengiraan undian Bersama-sama Setiausaha Syarikat.

Sementara menunggu Sekretariat dan Setiausaha Syarikat membuat pengiraan undi, Mesyuarat telah ditangguhkan selama 10 minit.

## **10. KEPUTUSAN PENGUNDIAN**

Setelah selesai proses pengiraan undi, Pengerusi memanggil semula mesyuarat untuk bersidang dan mengumumkan keputusan pengundian bagi semua resolusi yang dibentangkan.

### **(a) Keputusan bagi Resolusi 1 (b)**

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 1(b) telah diterima dan dipersetujui sebulat suara oleh 69 Ahli AWQAF yang layak mengundi, dengan jumlah undian keseluruhan sebanyak 2719 undian.

Pengerusi mesyuarat dengan itu telah mengisyiharkan Resolusi 1(b) telah diluluskan seperti berikut:

**"Dengan ini, ketetapan untuk pemilihan dan pelantikan semula Pengarah yang bersara mengikut Artikel 56 Syarikat, iaitu Puan Rafe'ah binti Ariffin adalah diterima."**

### **(b) Keputusan bagi Resolusi 2**

Berdasarkan proses pengundian, Resolusi 2 telah diterima dan dipersetujui sebulat suara oleh 69 Ahli AWQAF yang layak mengundi, dengan jumlah undian keseluruhan sebanyak 2719 undian.

Pengerusi mengisytiharkan Resolusi 2 telah diluluskan seperti berikut:

**"Dengan ini, ketetapan untuk pelantikan semula Tetuan Wan Nadzir & Co sebagai Juruaudit Syarikat dan untuk memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka adalah diterima."**

## **12. LAIN-LAIN URUSAN PERNIAGAAN DAN PENUTUPAN MESYUARAT**

Oleh kerana semua resolusi yang terkandung dalam Notis Mesyuarat telah mendapat ketetapan daripada Ahli AWQAF, dengan ini Mesyuarat Agung Tahunan Ke-Sebelas AWQAF Holdings Berhad telah selesai.

- (1) Pengerusi mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan Pengarah:
  - (i) **Dato' Hj Mohammad Sahar**, selaku Timbalan Pengerusi AWQAF dan **Prof Dr Engku Rabiah**, selaku Penasihat Syariah AWQAF. Sumbangan mereka sangat penting dalam usaha memastikan Kumpulan AWQAF Holdings melibatkan diri dalam pelaburan wakaf yang strategik dan bergerak sebagai peneraju institusi Wakaf Korporat di Malaysia yang patuh syariah.
  - (ii) **Datuk Dr Mohd Ghazali** dan **Puan Azizah Abdul Rahman**, kedua-duanya merupakan Ahli Jawatankuasa Audit yang banyak membantu memperkuatkan proses pengawasan dan integriti AWQAF Holdings.
  - (iii) **Puan Sri Noorzilah** dan **Puan Rafe'ah** yang secaraikhlas dan kerelaan sudi memberikan pendahuluan kewangan (*Director's advance*) kepada AWQAF Holdings. Sumbangan dana ini telah memberikan sokongan besar kepada Pihak

Pengurusan dalam memperkuuhkan aliran kewangan kumpulan AWQAF Holdings.

- (2) Pengerusi juga berterima kasih kepada **Puan Alia Muhammad Ali** yang menerajui Yayasan ZuriatCare sebagai Pengerusi dan juga sebagai salah seorang Pengarah bagi AHB Wellness Sdn Bhd.
- (3) Kepada Pihak Pengurusan yang dipimpin oleh **Encik Ibrahim Adham** selaku Ketua Pegawai Operasi AWQAF bersama-sama:
  - (i) **Puan Khairunnisa** selaku Pengurus Kewangan AWQAF;
  - (ii) **Encik Syamil Afifi** selaku Penolong Pengurus Operasi yang bertanggungjawab mengurus persediaan dan perjalanan Mesyuarat Agung Tahunan AWQAF.
- (4) Kepada **Puan Fatintafrina**, Setiausaha Syarikat yang sedia membantu menasihati dan membimbing Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan dalam pematuhan peruntukan Akta Syarikat, dan
- (5) semua pihak berkepentingan dalam menjayakan Mesyuarat Agung hari ini.
- (6) Pengerusi juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan AWQAF Holdings Berhad kepada:
  - (i) **Dr. Ridzwan bin Bakar** (mantan Pengerusi Jawatankuasa Audit);
  - (ii) **Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff** (mantan Pengarah Urusan); dan
  - (iii) **Encik Adli Harith bin Mahyuddin** (mantan Setiausaha Agung DPIM)yang tiada lagi bersama-sama sebagai Ahli Lembaga Pengarah AWQAF. Terima kasih atas segala sumbangan dan usaha mereka dalam membangunkan AWQAF Holdings Berhad.

Pengerusi memaklumkan semua Ahli AWQAF bahawa Dr. Ridzwan bin Bakar terpaksa meletakkan jawatan sebagai pengarah kerana beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bagi

Yayasan Wakaf Malaysia, manakala Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff juga melepaskan jawatan pengarah urusan kerana telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Wakaf Pulau Pinang.

AWQAF amat berbangga dengan pencapaian peribadi mereka berdua ini dalam menerajui institusi wakaf di Malaysia.

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menyatakan keyakinan bahawa AWQAF akan terus berkembang pesat pada masa hadapan dengan sokongan berterusan dari ahli dan pengurusan.

Mesyuarat ditamatkan pada pukul 11.45 pagi dengan ucapan terima kasih kepada Pengerusi dan seluruh Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli AWQAF yang hadir.


Minit disediakan oleh,

  
Puan Fatimahrina Binti Mohd Tareh  
Setiausaha Syarikat  
Tarikh: 9/10/2024

Minit disemak oleh,

  
Encik Ibrahim Adham bin Asmail  
Ketua Pegawai Operasi  
Tarikh: 9/10/2024

Minit disahkan oleh,

  
YBhg. Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir  
Pengerusi  
Tarikh: 9/10/2024